



Headline: Pensyarah ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 11 November 2018

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 68

# Pensyarah ditipu *Macau Scam*

Oleh **ANGELINA SINYANG**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**KUCHING 10 Nov.** - Seorang pensyarah lelaki kerugian RM49,758 selepas terpedaya dengan sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa berusia 30 tahun menerima panggilan daripada seorang wanita yang bertanya sama ada dia sudah menerima surat tudu-

han rasuah atau belum.

Menurutnya, wanita itu kemudian menyambungkan panggilan kepada 'pegawai' SPRM sebelum dimaklumkan terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram.

"Suspek seterusnya menyambungkan panggilan itu kepada 'pegawai kanan polis' di Bukit Aman untuk mendapatkan butiran terperinci mengenai tuduhan terhadapnya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ujar Mustafa Kamal, mangsa menjadi cemas apabila dimaklumkan suspek bahawa Unit Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) akan membeku-

kan akaunnya.

Jelasnya, mangsa yang takut akaun bank dibekukan bersetuju mengikut arahan suspek supaya membuat pemindahan wang ke akaun milik lelaki berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, mangsa kemudian melakukan transaksi wang pada pukul 6.30 petang hari sama selepas diminta suspek bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang.

Tambahnya, mangsa telah memindahkan wang RM49,758 ke dalam akaun Bank Rakyat milik suspek sebelum menyedari dirinya sudah menjadi mangsa sindiket penipuan.